



Jurnal Qiraat
IE-ISSN: 2636-9521
2019, VOL 2, Bil 1, Halaman 1-12

HUBUNGAN ANTARA TAHAP PENGETAHUAN ASAS *QIRĀ'ĀT* DAN PENGETAHUAN BACAAN RIWAYAT HAFS OLEH PELAJAR MAAHAD JOHOR

Mohd Hazwan Nor Hashim¹, Mohd Nazir Kadir²

¹Ketua Program Tahfiz Al-Quran, Sekolah Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kampung Aman, Larkin, Johor. Email : hazwan_hashim85@yahoo.com

²Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), Kampung Aman, Larkin, Johor. Email : nazirkadir82@gmail.com

Abstrak

Ilmu *Qirā'āt* adalah satu ilmu yang membincangkan khusus berkenaan bacaan al-Quran mengikut imam-imam *Qirā'āt*. Majoriti umat Islam di dunia ini membaca al-Quran dengan mengikut bacaan yang diriwāyatkan oleh Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam *Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭarīq al-Shāṭibīyyah* (Abd. Muhammin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, & Norazman Alias, 2011). Kepentingan memahami dan menguasai bacaan *riwāyat* ini amat perlu kerana sekiranya berlaku kesilapan atau sengaja mencampurkan bacaan al-Quran dengan pelbagai *riwāyat*, bacaan ini menjadi satu bacaan yang tidak pernah diturunkan. Menurut Imam al-Nuwairi bacaan yang bercampur beberapa *ṭarīq* atau *riwāyat* adakalanya haram, makruh atau mengaibkan (Abu Mardhiah, 2004). Sekiranya campuran bacaan pelbagai *riwāyat* ini diaplikasikan dalam solat, solat tidak akan sah. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ ṭarīq al-Shāṭibīyyah* oleh pelajar tingkatan 6 dari Sekolah Menengah Tinggi Arab Negeri Johor. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sementara itu, seramai 377 orang telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Keesahan soal selidik ini mencatatkan nilai *alpha croanbach* 0.913. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* 16.0 bagi mendapatkan kekerapan dan min. Ujian korelasi spearman turut digunakan untuk melihat hubungan antara tahap pengetahuan *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ ṭarīq al-Shāṭibīyyah*. Secara keseluruhan, hasil kajian mendapat tahap pengetahuan bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ ṭarīq al-Shāṭibīyyah* pelajar berada pada tahap min yang tinggi iaitu 3.83. Manakala terdapat hubungan yang tidak signifikan di antara tahap pengetahuan *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan bacaan khusus. Oleh itu, tahap pengetahuan bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ ṭarīq al-Shāṭibīyyah* pelajar yang tinggi tidak mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan *Qirā'āt* pelajar.

Kata Kunci

Qirā'at, ṭāriq al-Shāṭbiyyah, imam Ḥafṣ, tahap pengetahuan, riwāyat

Abstract

Qirā'at is a recitation of the Quran knowledge according to the specific *Qirā'at*'s imams. Majority of the Muslims around the world including Malaysia read al-Quran by following the recitation of *riwāyat Imam Ḥafṣ Ṭāriq al-Shāṭbiyyah* (Abd. Muhammin Ahmad et al., 2011). Understanding the recitation of *riwāyat Imam Ḥafṣ Ṭāriq al-Shāṭbiyyah* is crucial as mistake or intentionally mixing of various *riwayat* has never been delivered from Jibril Alaihissalam to Rasulullah SAW. According to Imam al-Nuwairi, reading Quran with mixture of some tariq or *riwayat* is forbidden, makrooh and disgraceful (Abu Mardhiah, 2004). Certainly, if this various *riwāyat* mixed is applied in prayer, the prayer will be invalid. This study is conducted to identify the level of knowledge on the specific recitation of *riwāyat Imam Ḥafṣ Ṭāriq al-Shāṭbiyyah* among form 6 students from Sekolah Menengah Tinggi Arab Negeri Johor (Maahad Johor). This is a quantitative research and uses questionnaire survey as an instrument. The survey was conducted among 377 respondents that were selected from the form 6 students. The reliability test showed that the Croanbach Alpha value was 0.913. The data were analysed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 16.0 to obtain its frequency, percentage and mean. The Spearman correlation test was also used to examine the relationship between students knowledge on *Qirā'at* and their knowledge on the specific recitation of *Imam Ḥafṣ Ṭāriq al-Shāṭbiyyah*. Overall, the study found that the level of knowledge among students on specific recitation of *Imam Ḥafṣ Ṭāriq al-Shāṭbiyyah* was at the high level of mean, which is 3.83 while there is no significant relationship between their level of knowledge in *Qirā'at* and knowledge on specific recitation. Therefore, students' high level of knowledge has no relation with students' background. The researcher suggests that the Ministry of Education need develop a curriculum particularly on this recitation so that this recitation can be applied to all Muslim students.

Keywords

Qirā'at, ṭāriq al-Shāṭbiyyah, imam Ḥafṣ, knowledge, *riwāyat*

1.0 Pengenalan

Ilmu *Qirā'at* ini adalah satu ilmu yang sesuai dengan apa yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Bukti menyokong kenyataan ini adalah sebagaimana *hādīth* yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (Muhammad bin Ismail al-Bukhari, 1422H) dan Imam Muslim (Muslim Al-Hajjaj, t.th.) (Imam al-Bukhari, 1422H: 4992, 5041, 7550; Imam Muslim, t.th.: 818). Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عُمَرَ الْخَطَابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَعَيْتُ هِشَامَ بْنَ حَكِيمٍ بْنَ حِزَامٍ يَقْرَأُ سُورَةَ الْفُرْقَانِ فِي حَيَاةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَاسْتَمِعْتُ لِقِرَاءَتِهِ فَإِذَا هُوَ يَقْرَأُ عَلَى حُرُوفٍ كَثِيرَةٍ مَمْ يُعْرِتُنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكِدْتُ أُسَاوِرُهُ فِي الصَّلَاةِ فَتَصَبَّرْتُ حَتَّى سَلَّمَ ، فَلَبِسْتُهُ بِرَدَائِهِ فَقُلْتُ مَنْ أَقْرَأَكَ هَذِهِ السُّورَةَ الَّتِي سَمِعْتُكَ تَقْرَأُ ؟ وَسَلَّمَ

فَقَالَ : أَفْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلْتُ كَذَبَتْ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَفْرَأَنِيهَا عَلَى
 عَيْرٍ مَا قَرَأْتَ , فَانطَلَقْتُ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ إِلَيْ سَعَتْ هَذَا يَقْرَأُ بِسُورَةِ الْقُرْآنِ
 عَلَى حُرُوفٍ لَمْ تُقْرِئُنِيهَا . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْرَأْ يَا هِشَامُ فَقَرَأَ عَلَيْهِ الْقِرَاءَةَ الَّتِي سَعَيْتُهُ يَقْرَأُ .
 فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَذَلِكَ أَنْزِلْتُ لَمْ قَالَ : أَقْرَأْ يَا عُمَرُ , فَقَرَأَتِ الْقِرَاءَةَ الَّتِي أَقْرَأَنِي . فَقَالَ صَلَّى
 اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كَذَلِكَ أَنْزِلْتُ , إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَاقْرُؤُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ .

Maksudnya : Dari Umar bin al-Khattab berkata “aku mendengar Hisyam bin Hakim membaca surah *al-Furqan* ketika hayat Rasulullah SAW. Aku mendengar bacaanya tiba-tiba ia membaca di atas huruf yang banyak yang mana Rasulullah SAW tidak pernah membaca kepadaku. Hampir aku ingin menariknya didalam sembahyangnya itu lalu aku bersabar sehingga ia memberi salam, kemudian aku menarik bajunya sambil berkata ; Siapakah yang membacakan surah ini kepadamu? Ia menjawab, Rasulullah SAW yang membacakan kepadaku yang lain daripada bacaanmu. Lalu aku membawanya kepada Rasulullah SAW dan mengadu tentang bacaan tersebut di atas huruf yang Rasulullah SAW tidak membacanya kepadaku. Rasulullah SAW bersabda kepadaku, bawalah Hisyam ke sini dan Rasulullah SAW menyuruhnya membaca sebagaimana yang aku mendengar bacaannya, lalu Rasulullah SAW bersabda ; begitulah ia diturunkan, selepas itu Rasulullah SAW menyuruhku pula membacanya dan aku membaca sebagaimana Rasulullah SAW membacanya kepadaku lalu Rasulullah SAW bersabda : begitulah ia diturunkan dan sesungguhnya al-Quran itu diturunkan di atas tujuh huruf maka bacalah apa yang mudah daripadanya”.

Bukhari, no 4992 dan Muslim, no 818

Majoriti umat Islam di dunia ini (95%) membaca al-Quran dengan mengikut bacaan yang *diriwāyatkan* oleh Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam ‘Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭāriq al-Shāṭibiyyah (Abd. Muhaimin Ahmad et al., 2011). Secara umumnya di Malaysia ini diketahui bahawa pembelajaran al-Quran yang bermula dari peringkat umur kanak-kanak sehingga dewasa adalah mengikut bacaan al-Quran *riwāyat* ini. Hanya sebahagian kecil sahaja yang mempelajari bacaan al-Quran menurut *riwāyat* imam lain dan ianya adalah bertujuan sebagai satu nilai tambah dalam bidang ilmu al-Quran. Walaupun begitu, tidak semua yang mempelajari bacaan al-Quran ini mahir dalam menguasai keseluruhan bacaan *riwāyat* Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam ‘Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭāriq al-Shāṭibiyyah. Sebagai contoh, hukum bagi *mad farq* diharuskan untuk dibaca dengan dua wajah. Wajah pertama adalah wajah yang masyhur iaitu dibaca dengan enam *harakat*, wajah kedua pula dibaca dengan *tashīl*. Bagi wajah kedua ini kebanyakan umat Islam tidak tahu akan kewujudannya.

Begitu juga dengan sebahagian hukum-hukum yang lain, ada juga hukum yang diharuskan untuk dibaca dengan tiga wajah.

Beberapa kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa masih terdapat umat Islam tidak menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Imran Kamal Basah (2010), Hajarul Bahti Zakaria et al. (2012), Surul Shahbudin Hassan and Muhammad Azhar Zailaini (2015) dan Azarudin Awang et al. (2011) membuktikan bahawa tahap penguasaan setiap responden berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hasil kajian yang mereka jalankan ini adalah mengenai bacaan atau hukum asas yang menjadi kelaziman amalan umat Islam setiap hari dan semua kajian ini adalah menurut bacaan *riwāyat* Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam ‘Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭārīq al-Shāṭibiyyah. Berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Hilmī Rozali, Kamarul Azmi Jasmi, and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2012) yang lebih menumpukan kajian kepada guru-guru yang sedang mengajar dalam Kelas Kemahiran al-Quran anjuran Kementerian Pelajaran tentang konsep asas ilmu *Qirā’āt*. Hasil kajian yang mereka perolehi, terdapat beberapa permasalahan dan konsep dalam ilmu *Qirā’āt* yang perlu dimantapkan. Justeru, penyelidik memberi penekanan kepada kajian yang dijalankan ini kerana bacaan al-Quran yang menjadi amalan harian umat Islam adalah menurut bacaan *riwāyat* Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam ‘Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭārīq al-Shāṭibiyyah. Penyelidik berpendapat, setiap pembaca yang mengamalkan bacaan *riwāyat* ini perlulah menguasai setiap hukum yang terdapat dalam al-Quran khususnya bacaan yang melibatkan bacaan *ghārib*, bacaan dua wajah dan tiga wajah. Penyelidik tidak bermaksud umat Islam perlu mempelajari ilmu *Qirā’āt* hanya semata-mata untuk kuasai bacaan *riwāyat* ini kerana penyelidik yakin bahawa tidak semua mampu untuk menguasai ilmu *Qirā’āt* dengan baik. Sekiranya pembaca adalah dikalangan guru-guru al-Quran, kewajipan menguasai bacaan *riwāyat* ini adalah merupakan satu kemestian. Peranan setiap guru al-Quran untuk memberi kefahaman kepada setiap pelajar mereka dalam memahami dan menguasai bacaan *riwāyat* ini.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik hanya menyentuh bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ bin Sulaimān* dari Imam ‘Āṣim bin Abī Al-Najūd ṭārīq al-Shāṭibiyyah sahaja. Di sini penyelidik ingin mengkaji berkaitan dengan pengetahuan bacaan khusus Imam *Hafṣ* kerana bacaan ini adalah merupakan bacaan harian majoriti umat Islam, setiap hari bacaan *riwāyat* ini digunakan khususnya ketika solat.

2.0 Batasan Dan Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tinggi Arab Negeri Johor (tahun 2015) yang sedang berada di tingkatan enam. Pemilihan mereka sebagai responden oleh penyelidik adalah kerana mereka ini merupakan pelajar yang sedang mencebur dalam bidang pengajian agama. Dalam tempoh pengajian lagi, mereka ini sering menerima jemputan dalam program keagamaan dan

adakalanya diminta membuat perkongsian dalam majlis ilmu. Pada pandangan penyelidik, seseorang yang dikategorikan ilmuwan agama perlu ada ilmu-ilmu asas dalam diri. Bacaan al-Quran adalah merupakan antara ilmu asas yang dimaksudkan. Sekiranya terdapat ilmuwan agama yang tidak menguasai asas dalam ilmu bacaan al-Quran, ianya adalah perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Penguasaan bacaan al-Quran tidak dikhuluskan kepada mereka yang khusus dalam bidang al-Quran sahaja tetapi kepada semua umat Islam. Skop kajian ini lebih menumpukan kepada kriteria-kriteria seperti pengetahuan responden terhadap asas ilmu *Qirā'āt* dan tahap pengetahuan responden dengan bacaan khusus riwayat Imam *Hafṣ*.

Sekolah Menengah Tinggi Arab Negeri Johor (Maahad Johor) dipilih berdasarkan tiga faktor. Faktor yang pertama adalah disebabkan ianya merupakan antara Sekolah Menengah Arab milik kerajaan Negeri Johor yang memiliki pengajian *tahfiz al-Quran*. Faktor kedua disebabkan terdapat pelajar tingkatan 6 yang menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia. Faktor ketiga pula adalah disebabkan ianya kerap menjadi tumpuan masyarakat awam dalam program keagamaan khususnya dalam program membudayakan al-Quran.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sementara itu, seramai 377 orang telah dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Keesahan soal selidik ini mencatatkan nilai *alpha croanbach* 0.913. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* 16.0 bagi mendapatkan kekerapan dan min. Ujian korelasi spearman turut digunakan untuk melihat hubungan antara tahap pengetahuan *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan pelajar terhadap bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ tarīq al-Shātibiyah*.

Untuk menentukan jumlah sampel dalam kajian ini, penyelidik mengguna pakai jadual penentuan sampel yang telah dicadangkan oleh Robert V. Krejcie et al. (1970). Oleh itu berdasarkan kepada jadual berkenaan bagi populasi seramai 377 orang maka jumlah sampel yang dicadangkan dalam kajian ini ialah seramai 191 orang. Namun sebagai langkah berjaga-jaga berhubung dengan kedapatan semula borang soal selidik juga sekiranya terdapat pelajar yang tidak memberikan jawapan yang lengkap dalam borang soal selidik yang diedarkan maka penyelidik menetapkan jumlah sampel yang dipilih dalam kajian ini ialah kesemua pelajar seramai 377 orang. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) saiz sampel yang lebih besar adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Pandangan ini turut disokong oleh Mohd Majid Konting (2005) menyatakan saiz sampel yang besar dapat mengurangkan ralat sampel yang tidak dipilih.

Namun begitu, hanya 200 borang soal selidik yang telah lengkap dan dikembalikan untuk dianalisa. Justeru, sampel kajian yang terlibat adalah seramai 200 orang pelajar tingkatan 6 Maahad Johor. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), jumlah responden yang melebihi 30 peratus daripada populasi adalah sudah mencukupi untuk mewakili secara keseluruhan populasi.

4.0 Analisis Data

Bahagian ini akan membincangkan hasil keputusan analisis data. Sebanyak 377 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dan hanya 200 sahaja yang berjaya dikumpulkan semula. Data yang telah diperoleh daripada responden dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS bagi mendapatkan maklumat yang terperinci. Manakala analisis data dibuat bagi menentukan frekuensi yang dibuat dalam bentuk jadual.

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), fakta adalah yang diperolehi melalui kajian adalah milik semua orang tetapi tafsiran data adalah hak milik penyelidik. Oleh hal yang demikian, bagi menentukan item rendah, sederhana atau tinggi, penyelidik akan menggunakan skala penyelidik sendiri. Bagi analisis min item soalan penyelidik telah mengkategorikan min kepada tiga tahap keadaan iaitu seperti dalam jadual berikut (Wan Mohd Hazani Wan Ibrahim, 2014) :

TAHAP	TAHAP MIN
Rendah	< 2.33
Sederhana	< 2.34 – 3.67
Tinggi	> 3.68

Kategori Analisis Min Item Soalan

4.1 Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Ilmu *Qirā'āt* Dan Bacaan *Riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shātibiyyah*

No. Item	Soalan	Min
1	Saya biasa mendengar tentang ilmu <i>Qirā'āt</i>	3.35
2	Saya faham apa yang dibincangkan dalam ilmu <i>Qirā'āt</i>	3.19
3	Saya biasa mendengar bacaan <i>Qirā'āt riwāyat Imam Ḥafṣ</i> dengan baik	3.04
4	Bacaan yang saya gunakan bersandarkan bacaan dari <i>riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shātibiyyah</i>	3.48
5	Saya tahu dalam bacaan al-Quran ada tempat-tempat yang mempunyai bacaan	3.57

	lebih dari satu wajah/ kaedah dan juga bacaan <i>Għārīb</i> (pelik)	
6	Saya dapat mengenalpasti tempat-tempat yang mempunyai bacaan lebih dari satu wajah/ kaedah dan juga bacaan <i>Għārīb</i> (pelik).	3.07
7	Saya diberi pendedahan berkenaan dengan bacaan yang mempunyai lebih dari satu wajah/ kaedah dan juga bacaan <i>Għārīb</i> (pelik) semasa mempelajari al-Quran secara umum.	3.19
8	Saya diberi pendedahan berkenaan dengan bacaan yang mempunyai bacaan lebih dari satu wajah/ kaedah dan juga bacaan <i>Għārīb</i> (pelik) semasa mempelajari al-Quran secara khusus.	2.98
9	Saya sentiasa mengaplikasikan bacaan <i>Għārīb</i> (pelik) ketika membaca al-Quran	2.74
10	Saya ada merujuk kitab-kitab untuk mengetahui bacaan <i>riwāyat</i> Imam Hafs <i>ṭarīq al-Shātibiyah</i> di samping guru-guru al-Quran yang mahir	2.29
	MIN KESELURUHAN	3.09

Secara keseluruhannya, merujuk kepada jadual di atas hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang ilmu *Qirā'āt* dan bacaan *riwāyat* Imam *Hafṣ ṭarīq al-Shātibīyyah* berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah 3.09.

4.2 Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Bacaan Khusus *Riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shātibīyyah*

No. Item	Soalan	Min
1	<p>٤١. لَذْكَرِي ۖ - (<i>Sūrah al-Anām</i>, 6:143 & 144)</p> <p>٤٢. لَهُ ۖ - (<i>Sūrah Yūnus</i>, 10:59)/ (<i>Sūrah al-Naml</i>, 27:59)</p> <p>٤٣. لِلَّهِ ۖ - (<i>Sūrah Yūnus</i>, 10:51)/ (<i>Sūrah Yūnus</i>, 10:91)</p> <p>Saya biasa membaca hukum <i>Mad Farq</i> di atas dengan bacaan '<i>Ibdal</i> enam <i>harakāt</i>. Saya juga tahu ianya boleh dibaca dengan <i>Tashīl</i> juga.</p>	3.65
2	<p>٤٤. كَمِيعَ صَ ۖ - (<i>Sūrah Maryam</i>, ayat 1)</p> <p>٤٥. عَسَقَلَ ۖ - (<i>Sūrah al-Syūrā</i>, ayat 2)</p> <p>Saya biasa membaca huruf 'ain yang bergaris di atas dengan kadar 6 <i>harakāt</i> dan saya tahu ianya juga boleh dibaca dengan 4 <i>harakāt</i>.</p>	4.28
3	<p>٤٦. إِلَهٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ أَلْحَمُ حَمِيمٌ ۖ ۱ - (<i>Sūrah al-Imrān</i>, ayat 1-2)</p>	3.63

	Saya boleh membaca ketika bacaan <i>waṣal</i> huruf <i>mīm</i> yang bergaris dengan kadar 6 <i>harakāt</i> dan juga dengan kadar 2 <i>harakat</i> beserta huruf <i>mīm</i> ditariskan <i>Fathah</i> .	
4	عَالِمٌ جَيْشٌ - (<i>Sūrah Fussilat</i> , ayat 44) Saya memang biasa membaca perkataan bergaris di atas dengan bacaan <i>Tashīl</i> .	3.65
5	عَادًا أَلْأَوَّلِيَّ - (<i>Sūrah al-Najm</i> , ayat 50) Saya sentiasa membaca setiap huruf <i>tanwīn</i> bertemu <i>Hamzah Waṣal</i> dengan <i>nūn</i> <i>al-Sakinah</i> yang ada pada <i>tanwīn</i> dengan <i>Kasrah</i> .	4.08
6	بِسْنَ الْأَسْمَ - (<i>Sūrah al-Hujurāt</i> , ayat 11) Saya boleh membaca perkataan bergaris dengan <i>الْأَسْمُ</i> atau <i>لِأَسْمٍ</i> (<i>al-Naql</i>) ketika hendak mulakan bacaan pada perkataan itu.	3.69
7	طَسَّ تِلْكَ إِيَّاهُ أَلْفُرَّاءِ وَكِتَابٌ مُّبِينٌ - (<i>Sūrah al-Naml</i> , ayat 1) Apabila bacaan <i>waṣal</i> , saya akan membaca dengung pada huruf <i>sīn</i> yang bertemu dengan huruf <i>tā'</i> .	3.49
8	مَجْرِيَنَا - (<i>Sūrah Hūd</i> , ayat 41) Saya mesti membaca huruf <i>rā'</i> di atas dengan ' <i>Imālah</i> '	4.45
9	فَمَا أَتَسْأَنْ - (<i>Sūrah al-Naml</i> , ayat 36) Saya mahir apabila <i>waqaf</i> diakhir perkataan di atas, boleh dibaca dengan mengekalkan huruf <i>yā'</i> atau membuangnya	3.59
10	وَبَبَصَّ طَبَّ - (<i>Sūrah al-Baqarah</i> , ayat 245) بَصَّ طَبَّ - (<i>Sūrah al-'Arāf</i> , ayat 69) Saya memang membaca huruf <i>ṣād</i> di atas dengan huruf <i>sīn</i> .	4.10
11	نَّا مِمْ - (<i>Sūrah Yūsuf</i> , ayat 11) Saya biasa membaca huruf <i>nūn</i> di atas dengan ' <i>Isymām</i> ' atau ' <i>ikhtilās</i> '.	4.20
12	اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ ضَعَفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ دُقَيْرَةٍ ضَعَفًا وَشَيْءًا بَغَيْ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ أَلْعَلُ عَلَيْهِمْ أَلْقَارِيزٌ ٤٥ - (<i>Sūrah al-Rūm</i> , ayat 54) Saya memang biasa membaca huruf <i>ṣād</i> yang bergaris di atas dengan <i>Fathah</i> dan juga tahu boleh dibaca dengan <i>dammah</i> .	3.42
13	الْمُصَيْطِرُونَ - (<i>Sūrah al-Tūr</i> , ayat 37) Saya mahir membaca huruf <i>ṣād</i> di atas dengan huruf <i>ṣād</i> atau huruf <i>sīn</i> .	3.75

	مَا أَعْلَمُ بِعَنْيٍ مَالِهِ ۚ ۲۸ هَلَكَ عَنِ الْمُلْكِ ۖ ۲۹	
14	<p>- (<i>Sūrah al-Hāqqah</i>, ayat 28-29)</p> <p>Saya boleh membaca ketika <i>waṣal</i> pada perkataan bergaris dengan '<i>Idghām</i> tanpa <i>Saktah</i> atau dengan '<i>Idhār</i> dengan ber<i>Saktah</i>.</p>	3.75
15	<p><u>لَلْكُفَّارِينَ سَلَسِلَةً</u> - (<i>Sūrah al-Insān</i>, ayat 4)</p> <p>Saya boleh membaca huruf 'Alif yang mempunyai tanda bulat di atasnya dengan mengekalkan huruf 'Alif tersebut atau membuangnya dalam keadaan <i>waqaf</i>.</p>	3.71
16	<p><u>قَوْارِبًا</u> - (<i>Sūrah al-Insān</i>, ayat 15)</p> <p>Saya mahir membaca huruf 'Alif yang mempunyai tanda bulat di atas dengan mengekalkan huruf 'Alif tersebut dalam keadaan <i>waqaf</i> dan membuang huruf 'Alif tersebut dalam keadaan <i>waṣal</i>.</p>	3.81
17	<p><u>نَحْنُ نَقْتُلُكُمْ</u> - (<i>Sūrah al-Mursalat</i>, ayat 20)</p> <p>Saya boleh membaca hukum '<i>Idghām</i> di atas dengan '<i>Idghām kāmil</i> atau '<i>Idghām Naqis</i>.</p>	3.80
18	<p><u>عَوْجَاحًا</u> - (<i>Sūrah al-Kahfi</i>, ayat 1)</p> <p><u>مِنْ مَرْقَبَاتِهِ</u> - (<i>Sūrah Yasin</i>, ayat 52)</p> <p><u>وَقَلَّ مَنْ رَاقِي</u> - (<i>Sūrah al-Qiyamah</i>, ayat 27)</p> <p><u>كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ</u> - (<i>Sūrah al-Mutaffifin</i>, ayat 14)</p> <p>Saya biasa membaca setiap akhir perkataan yang terdapat huruf <i>sīn</i> kecil dengan <i>saktah</i> ketika <i>waṣal</i>.</p>	4.12
19	<p><u>وَقَالَ فِرْدَوْسُنْ أَئِ تُؤْنِي بِكُلِّ سَجِيرٍ عَلَيْهِ</u> - (<i>Sūrah Yūnus</i>, ayat 79)</p> <p>Apabila memulakan bacaan pada perkataan bergaris, saya mesti mulakan dengan bacaan '<i>Ibdal</i>.</p>	3.66
	MIN KESELURUHAN	3.83

Secara keseluruhannya, berdasarkan jadual di atas hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang bacaan khusus *riwāyat* Imam *Hafṣ tarīq al-Shātibīyyah* berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah 3.83.

4.3 Analisis Korelasi Spearman

Dalam bahagian ini menjelaskan analisis hubungan antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan bacaan khusus pelajar tingkatan 6 Maahad Johor berdasarkan hipotesis berikut:

H_0 : Tidak terdapat hubungan di antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan pelajar tingkatan 6 Maahad Johor tentang bacaan khusus *riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shāṭibiyah*.

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2 tailed).

Jadual : Hubungan Antara Tahap Pengetahuan *Qirā'āt* Dengan Tahap Pengetahuan Pelajar

		Pengetahuan (Ilmu <i>Qirā'āt</i>)	Pengetahuan (Bacaan Khusus)
Spear man's kesedaran rho	Correlation Coefficient	1.000	.381 ^{**}
	Sig. (2-tailed)	.	.000
	N	200	200
bacaan	Correlation Coefficient	.381 ^{**}	1.000
	Sig. (2-tailed)	.000	.
	N	200	200

Tentang Bacaan Khusus *Riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shāṭibiyah*

H_1 : Terdapat hubungan di antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan pelajar tingkatan 6 Maahad Johor tentang bacaan khusus *riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shāṭibiyah*.

Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi dalam Jadual 4.16 menunjukkan bahawa perhubungan antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan bacaan khusus pelajar tidak signifikan ($r = .381$, $p < 0.05$). Oleh yang demikian pengkaji gagal menolak hipotesis nul. Justeru itu pengkaji membuat keputusan bahawa tidak terdapat perhubungan antara tahap pengetahuan pelajar tingkatan 6 Maahad Johor tentang bacaan khusus *riwāyat Imam Ḥafṣ ṭarīq al-Shāṭibiyah*. Perhubungan yang lemah ($r = .381$) antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan bacaan khusus pelajar yang wujud dalam sampel kajian mungkin secara kebetulan, atau mungkin disebabkan oleh ralat pengukuran atau ralat persampelan. Berdasarkan keputusan analisis ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa populasi pelajar tingkatan 6 Maahad

Johor, tahap pengetahuan *Qirā'āt* pelajar adalah tidak berhubung kait dengan tahap penguasaan bacaan khusus *riwāyat Imam Ḥafs ṭarīq al-Shāṭibiyah* pelajar. Oleh itu H_0 diterima dan H_1 ditolak.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini menghuraikan analisis data soal selidik yang telah berjaya dikumpulkan daripada 200 orang responen. Dapatan kajian ini merangkumi soal selidik yang terdiri daripada tahap pengetahuan ilmu *Qirā'āt* dan bacaan khusus *riwāyat Imam Hafs ṭarīq al-Shāṭibiyah*. Manakala analisis korelasi Spearman dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap pengetahuan tentang *Qirā'āt* dengan tahap pengetahuan bacaan responden.

6.0 Rujukan

- Abd. Muhammin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, & Norazman Alias. (2011). *Qiraat Imam 'Asim Riwayat Hafs : Kajian Terhadap Dua Tariq*. Paper presented at the Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Abu Mardhiah. (2004). *Tajwid al-Quran Qiraat 'Aashim Riwayat Hafsh Toriq al-Syatiibi*. Kuala Lumpur: Al-Jenderaki Enterprise.
- Azarudin Awang et al. (2011). Tahap Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di UiTM Terengganu *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*.
- Hajarul Bahti Zakaria et al. (2012). *Penguasaan Bacaan Hukum Nun Sakinah Dalam Tilawah Al-Quran Pelajar-Pelajar Bermasalah Penglihatan Di Malaysia*. Paper presented at the International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012.
- Imran Kamal Basah. (2010). *Kemahiran Bacaan Al-Fatihah Dalam Kalangan Jemaah Masjid : Kajian Masjid-Masjid Di Daerah Huu Langat, Selangor*. (Ijazah Sarjana Usuluddin), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Hilmi Rozali, Kamarul Azmi Jasmi, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2012). Pemahaman Guru Tentang Konsep Asas Ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim Dan Qiraat Imam Hamzah. *Journal of Islamic and Arabic Education*, UKM, 3(2), 61-72.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (1422H). *Al-Jami' Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasar Min Umur Rasulullah S.A.W. Wa Sunanahi Wa Ayamihai Al-Bukhari*. Dar Al-Tuq Al-Najah.
- Muslim Al-Hajjaj. (t.th.). *Al-Musnad Al-Sahih AL-Mukhtasar Bi Al-Naql Al-'Adl 'An Al-'Adl Ila Rasulillah S.A.W*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.

Robert V. Krejcie et al. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*.

Surul Shahbudin Hassan, & Muhammad Azhar Zailaini. (2015). Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah IPTA. *Journal of Islamic Education*, 3(2).

Wan Mohd Hazani Wan Ibrahim. (2014). *Tahap Literasi Komputer Pelajar Diploma Tahun Dua Bidang Pengajian Islam Di IPT Daerah Johor Bahru*. (Sarjana Pendidikan), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.